

31/05/2002

MB Kelantan dakwa mahu perbetul syariat Islam

KOTA BHARU, Khamis - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mendakwa, Pas pada asasnya tidak berminat kepada kuasa memerintah, tetapi hanya mahu memperbetulkan syariat Islam.

Beliau berkata, bagi tujuan itu antara caranya memberi nasihat dan teguran terhadap kesilapan dan perkara menyeleweng dengan tuntutan al-Quran dan hadis.

Bagaimanapun, katanya apabila nasihat dan teguran Pas tidak diterima khususnya Umno dan Kerajaan Pusat, parti itu perlu berjuang sebagai pembangkang untuk menegakkan dasar itu.

Oleh itu, katanya, jika Umno sedia mengubah dasarnya berbentuk kebangsaan kepada al-Quran dan hadis seperti Pas, tidak ada sebab kedua-dua pihak bertentangan fahaman untuk menegakkan Islam di negara ini.

Katanya, Pas terus menentang Umno kerana parti itu tidak menjadikan al-Quran dan hadis sebagai dasar perjuangannya.

"Kita (Pas) pada asasnya bukan nak kepada kuasa memerintah negeri. Kita hanya nak membetulkan keadaan silap atau seleweng (dengan Islam). Tetapi, dengan sebab nasihat dan teguran kurang berkesan, maka di situ kami nak kepada kuasa untuk betulkan (mengikut Islam)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Dewan Ulama Pas Pusat, di sini, hari ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata Pas bertanding dalam pilihan raya bukan untuk berlawan, tetapi untuk mendapatkan kuasa bagi menyedarkan Umno.

Nik Abdul Aziz juga berkata tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam menimbulkan cabaran baru kepada parti itu untuk memperluaskan pengaruhnya.

(END)